

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Sunday, November 10, 2019 8:22 AM
To: UUM - All Students; UUM - All Staff
Subject: UUM Cemerlang Di UCUC 2019



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

10 NOVEMBER 2019 / 13 RABIULAWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: CIAC

UUM CEMERLANG DI UCUC 2019



UUM ONLINE: Pulau Pinang - Seramai 13 pelajar terdiri pemimpin Kelab UUM COB dan ahli Beta Gamma Sigma (BGS) Chapter UUM mempamerkan kecemerlangan dalam 3rd UUM-CMU-USM International Student Symposium (UCUC 2019) anjuran IMCC Universiti Sains Malaysia (USM) baru-baru ini.

Pasukan yang mewakili UUM itu telah berjaya merangkul lima hadiah bagi pertandingan video dan pertandingan prototaip.

Bagi pertandingan video, UUM telah menyapu bersih tempat pertama, kedua dan ketiga yang mana masing-masing menerima hadiah wang tunai RM500, RM300 dan RM200, manakala bagi pertandingan prototaip, pasukan UUM telah mengungguli tempat pertama dan tempat kedua dengan membawa pulang hadiah berupa wang tunai RM500 dan RM300.

Untuk edisi kali ini sebanyak empat universiti telah menghantar penyertaan iaitu USM, UUM, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Chiang Mai University (CMU).

Sepanjang lima hari UCUC berlangsung, aktiviti dijalankan ialah pertandingan video, *pitching* dan prototaip yang bertemakan '*Disruptive Future*' yang mana pelajar perlu mengenal pasti masalah di kampus, memberikan cadangan penyelesaian kepada masalah tersebut dan seterusnya menghasilkan prototaip untuk membantu universiti menyelesaikan masalah tersebut.

Pusat Hal Ehwal dan Kerjasama Antarabangsa (CIAC) telah membantu menyediakan dana bagi penyertaan pelajar UUM ke program tersebut yang terbahagi kepada lima kumpulan.

UUM pernah menjadi tuan rumah UCUC pada 2017 dan bakal menganjurkan 4th UCUC pada tahun hadapan.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.